

13 JAN 1997

Tang

TANG DI HONG KONG UNTUK SEDIAKAN DOKUMEN

Oleh: Mohd Kamel Othman

JOHOR BAHRU, 13 Jan (Bernama) -- Tang Liang Hong, calon pembangkang yang tewas pada pilihan raya umum Singapura dan dikehendaki oleh pemerintah republik itu bagi membantu siasatan berhubung ugutan terhadap keluarganya, kini berada di Hong Kong.

"Dia telah menghubungi saya dari Hong Kong hari ini dan menyatakan akan berada di sana kira-kira seminggu," kata Pengerusi Parti Rakyat Malaysia (PRM) Johor, Abdul Razak Ahmad kepada Bernama.

Abdul Razak, yang mengenali Tang lebih 30 tahun sejak menuntut di universiti yang sama, berkata rakannya itu sedang menyiapkan beberapa dokumen untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa Singapura.

"Dia memberitahu saya dia sedang menyiapkan dokumen dan keterangan untuk menjawab tuduhan yang menyatakan dia seorang yang taksab kepada semangat perkauman Cina dan anti-Cina Kristian," kata beliau.

Tang, 61, dan seorang peguam, mahu menafikan segala tuduhan yang dilemparkan terhadapnya terutama yang menyatakan dia seorang cauvinis.

"Dia mahu mendedahkan segala-galanya," katanya.

Selepas saja dokumen berkenaan disiapkan, Tang akan kembali ke Singapura melalui Johor Baharu, kata Abdul Razak, yang juga seorang peguam.

Minggu lepas, laporan akhbar di Singapura menyebut Tang yang bertanding sebagai calon Parti Pekerja telah ke Johor untuk mencari perlindungan kerana mendakwa keselamatan terancam setelah dia dianggap sebagai seorang yang taksab kepada semangat perkauman Cina dan anti-Cina Kristian oleh Perdana Menteri Goh Chok Tong.

Abdul Razak berkata Tang kerap datang ke Johor kerana mempunyai kepentingan perniagaan yang dijalankan secara usaha sama dengan rakan kongsinya di Johor.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diminta mengulas isu itu telah berkata Tang boleh memasuki negara ini kerana mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan tidak akan diekstradisi kecuali jika pihak berkuasa Singapura memintanya kerana kesalahan jenayah.

"Kita tidak ada perjanjian menghantar pulang warga asing yang melakukan kesalahan bukan jenayah atau politik di negara asalnya," kata Perdana Menteri.

Di SINGAPURA, Menteri Pembangunan Masyarakat Abdullah Tarmugi dilaporkan berkata isu Tang adalah peringatan baik kepada semua rakyat republik itu, bukannya kaum Cina saja, supaya tidak menganggap keharmonian kaum sebagai satu perkara remeh.

Beliau dipetik oleh akhbar Straits Times di sini sebagai berkata bahawa sebarang ulasan "bodoh" yang dibuat secara tidak sedar boleh menimbulkan ketegangan.

Sebelum ini, Setiausaha Parlimen Kanan bagi Undang-undang dan Hal Ehwal Dalam Negeri Prof Madya Ho Peng Kee berkata kebimbangan Tang mengenai keselamatannya di Singapura tidak berasas dan dia diberi jaminan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak akan digunakan terhadapnya.

"Jika Tang bimbang mengenai keselamatannya, dia sepatutnya pulang ke Singapura supaya polis dapat menyoalnya seperti dari mana ancaman itu datang dan siapa yang mengancamnya," katanya. -- BERNAMA

THG MAI